



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/42/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN PEROLEHAN DUA (2) UNIT BUGGY UNTUK KEGUNAAN  
PENGOPERASIAN TAMAN BOTANI DAN TAMAN WARISAN PERTANIAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah **Kod bidang 110106 – KENDERAAN KEGUNAAN KHUSUS ATAU 221503 – KENDERAAN / JENTERA / KENDERAAN REKREASI** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **10 Ogos 2023, jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks PPj.** Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **10 Ogos 2023** hingga **15 Ogos 2023** oleh wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
4. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran MOF**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **18 Ogos 2023 (Jumaat)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi **S.O.P** yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**(LAr. ABD AZIZ BIN BUANG)**  
NAIB PRESIDEN  
Jabatan Landskap Dan Taman  
Perbadanan Putrajaya.